


PANDUAN

SOLAT MENGGUNAKAN KERUSI
DISEBABKAN KEUZURAN



**BUKU INI MENGANDUNGI AYAT SUCI AL- QURAN.
PELIHARALAH KESUCIANNYA.**



PANDUAN SOLAT MENGGUNAKAN KERUSI DISEBABKAN KEUZURAN

Cetakan Pertama 2018
Edisi Baharu Cetakan Pertama 2019
Edisi Kedua Cetakan Pertama 2019

JABATAN MUFTI NEGERI PULAU PINANG

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang.

**PANDUAN SOLAT MENGGUNAKAN KERUSI
DISEBABKAN KEUZURAN**

Terbitan:
Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang
Tingkat 48 KOMTAR,
10000 Georgetown,
Pulau Pinang.
Tel: 04-263 2975 Fax: 04 263 2985
<http://mufti.penang.gov.my>
emel: mufti@penang.gov.my

Konsep, Rekabentuk dan Cetakan:
Dream Worx
No. 37, 1st Flr, Kapitan Square
Lebuh Buckingham, 10300
Georgetown
Pulau Pinang

KANDUNGAN

Kata Alu-Aluan	iv
Kedudukan Solat Dalam Kehidupan	1
Rukun Solat: <i>Qiyam</i> (Berdiri)	4
Hukum Solat Bagi Orang Yang Tidak Mampu	
Berdiri	6
A. Penjelasan Makna Duduk	8
B.Huraian Makna <i>قعد</i> Daripada Pemahaman Ahli	
Bahasa Arab	10
Keuzuran Yang Dibenarkan Untuk Solat	
Secara Duduk	11
Keadaan Yang Membolehkan Seseorang	
Solat Secara Duduk	14
Tatacara Solat Duduk Atas Kerusi	16
Beberapa Cadangan Atau <i>Dhawabit</i>	26
Hukum Solat Bagi Yang Mampu Berdiri Tetapi	
Tidak Mampu Duduk	28
Hukum Bersandar Ketika Menunaikan Solat	31
Ringkasan Tatacara Solat Bagi Orang	
Yang Uzur Syariè	34
Penutup	44

KATA ALU-ALUAN MUFTI KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Alhamdulillah, setinggi kesyukuran dirafa'kan ke hadrat Allah ﷻ kerana dengan limpah izin-Nya, Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang dapat menerbitkan **'Panduan Solat Menggunakan Kerusi Disebabkan Keuzuran'**.

Solat merupakan salah satu rukun Islam yang penting. Perintah untuk bersolat adalah suatu fardu ke atas setiap mukalaf. Kefarduan solat merangkumi dalam setiap keadaan, sama ada ketika bermusafir atau bermukim, dalam keadaan sakit atau sihat. Oleh itu solat hendaklah ditunaikan sama ada dilakukan secara berdiri, duduk, berbaring atau secara isyarat sahaja. Semua ini jelas menunjukkan akan peri pentingnya kedudukan solat di dalam Islam.

Justeru, penerbitan panduan ini diharapkan dapat merungkai persoalan yang sering bermunculan dalam minda masyarakat awam dan sering dibincangkan dalam kalangan mereka iaitu hukum-hakam yang berkaitan dengan isu solat secara duduk di atas kerusi. Selain itu, buku ini juga dimuatkan dengan tatacara solat bagi orang yang uzur melalui contoh bergambar bagi memudahkan pembaca untuk memahaminya.

Akhir kata, setinggi ucapan terima kasih kepada urus setia yang terlibat dalam menjayakan penerbitan panduan ini. Semoga penerbitan yang kecil ini dapat memberikan manfaat kepada semua pihak. Pihak kami juga mengalu-alukan sebarang teguran dan nasihat bagi penambahbaikan penerbitan kami.

"CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS"



(DATO' SERI DR. WAN SALIM BIN WAN MOHD NOOR)
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

KEDUDUKAN SOLAT DALAM KEHIDUPAN

Peri pentingnya kewajipan solat ini dapat dilihat melalui beberapa nas daripada al-Quran mahupun al-Sunnah. Antaranya, firman Allah ﷻ:

إِنِّي أَنَا اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنَا فَاعْبُدْنِي وَأَقِمِ الصَّلَاةَ لِذِكْرِي ﴿١٤﴾

Maksudnya: *Sesungguhnya Akulah Allah; tiada Tuhan melainkan Aku; oleh itu, sembahlah akan Daku, dan dirikanlah sembahyang untuk mengingati Daku.*

(Surah Taha: 14)

Firman-Nya lagi:

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَارْكَعُوا مَعَ الرَّاكِعِينَ ﴿٤٣﴾

Maksudnya: *Dan dirikanlah kamu akan sembahyang dan keluarkanlah zakat, dan rukuklah kamu semua (berjemaah) bersama-sama orang-orang yang rukuk.*

(Surah al-Baqarah: 43)

Firman-Nya lagi:

﴿٩٨﴾ فَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ وَكُنْ مِنَ السَّاجِدِينَ

Maksudnya: *Oleh itu, bertasbihlah engkau dengan memuji Tuhanmu, serta jadilah dari orang-orang yang sujud.*

(Surah al-Hijr: 98)

Berdasarkan sebuah riwayat daripada Abdullah Ibnu Umar رضي الله عنه, beliau berkata bahawa Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda:

بُنِيَ الْإِسْلَامُ عَلَى خَمْسٍ: شَهَادَةٌ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ وَإِقَامُ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءُ الزَّكَاةِ وَحَجُّ الْبَيْتِ وَصَوْمُ رَمَضَانَ

Maksudnya: *Islam itu terbina di atas lima perkara (iaitu): Bersaksi bahawa tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah dan sesungguhnya Muhammad itu adalah hamba-Nya dan Rasul-Nya, mendirikan solat, menunaikan zakat, mengerjakan haji di Baitullah, serta berpuasa pada bulan Ramadan.*

(Riwayat Muslim: 16)

Hadis ini jelas menunjukkan bahawa ibadah solat adalah merupakan salah satu rukun daripada lima rukun Islam yang wajib dilaksanakan bagi setiap muslim yang mukalaf. Justeru, adalah haram meninggalkan solat dalam apa juga keadaan sekalipun. Bahkan setiap muslim wajib melakukan solat secara sempurna dengan menepati hukum syarak dari segi rukun dan syaratnya. Namun, masih terdapat kelonggaran tertentu dari segi pelaksanaannya jika seseorang itu menghadapi keuzuran. Allah ﷻ tidak menurunkan syariat melainkan mengikut kadar kemampuan manusia dan manusia dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan ibadat sesuai dengan kemampuan dirinya. Allah ﷻ berfirman:

فَاتَّقُوا اللَّهَ مَا اسْتَطَعْتُمْ...

Maksudnya: *Oleh itu bertakwalah kamu kepada Allah sedaya supaya kamu...*

(Surah at-Taghabun: 16)

rukun SOLAT: QIYAM (BERDIRI)

Kami mulakan perbincangan ini dengan salah satu rukun solat iaitu *qiyam*. Disebut dalam kitab *al-Fiqh al-Manhaji* (1/283-284): Wajib berdiri bagi mereka yang mampu melakukannya.¹ Hal ini berdasarkan hadis daripada Imran bin Hussein رضي الله عنه katanya, aku menghidap penyakit bawahir lalu aku bertanya kepada Rasulullah ﷺ tentang solat. Baginda bersabda:

صَلِّ قَائِمًا فَإِنْ لَمْ تَسْتَطِعْ فَقَاعِدًا فَإِنْ لَمْ تَسْتَطِعْ فَعَلَى جَنْبٍ

Maksudnya: *Bersolatlah secara berdiri, jika tidak mampu lakukanlah secara duduk dan jika tidak mampu juga lakukanlah secara mengiring.*

(Riwayat al-Bukhari: 1066)

Seseorang itu dianggap berdiri apabila dia berdiri tegak.² Sekiranya dia membongkok tanpa sebab yang dimaafkan (عُدْوٌ) hingga tapak tangannya menyentuh lutut, solatnya batal disebabkan tiada rukun berdiri pada satu bahagian solat tersebut.

1 Sepakat ulama dan fuqaha bahawa *qiyam* adalah rukun dalam solat fardu bagi mereka yang mampu. Ia berdasarkan nas al-Quran dan al-Hadis. Lihat *al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah* (34/106-107).

2 Sepakat fuqaha dikehendaki dengan *qiyam* yang dituntut oleh syarak dalam solat ialah berdiri secara tegak dan tidak mengapa jika sedikit condong yang tidak sampai kepada tahap sama seperti rukuk sekira-kira jika dia menjulur tapak tangannya tidak sampai ke lutut. Lihat *al-Durr al-Mukhtar* (1/414); *Hasyiah al-Dusuki* (1/231); *Nihayah al-Muhtaj* (1/347); *Mughni al-Muhtaj* (1/153); dan *al-Mughni* (1/463).

Orang yang mampu berdiri pada sebahagian solatnya dan tidak berdaya pada sebahagian yang lain, hendaklah berdiri setakat yang termampu dan bolehlah duduk pada semua bahagian yang lainnya.

Berdiri bagi yang mampu hanya **wajib pada solat fardu**, manakala solat sunat boleh dilakukan secara duduk sama ada seseorang itu mampu berdiri ataupun tidak kerana hukum berdiri pada semua solat tersebut hanya sunat. Hal ini berdasarkan hadis Nabi ﷺ bersabda:

من صَلَّى قَائِمًا فَهُوَ أَفْضَلُ وَمَنْ صَلَّى قَاعِدًا فَلَهُ نِصْفُ أَجْرِ الْقَائِمِ وَمَنْ صَلَّى نَائِمًا فَلَهُ نِصْفُ أَجْرِ الْقَاعِدِ

Maksudnya: *Sesiapa yang bersolat secara berdiri itulah yang afdal, dan sesiapa yang bersolat secara duduk dia mendapat separuh pahala solat berdiri dan sesiapa yang bersolat secara mengiring dia mendapat separuh pahala solat duduk.*

(Riwayat al-Bukhari: 1065)

HUKUM SOLAT BAGI ORANG YANG TIDAK MAMPU BERDIRI

Pada asalnya, berdiri bagi yang mampu adalah rukun dalam solat. Namun begitu, syarak membenarkan seseorang itu duduk sekiranya dia tidak mampu berdiri.³ Seseorang yang tidak mampu solat secara berdiri, dia dibolehkan bersolat secara duduk. Jika tidak mampu duduk, maka dibolehkan solat secara mengiring dan begitulah seterusnya. Sebagaimana yang terdapat dalam sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Imran bin Hussein رضي الله عنه yang mengadu kepada Rasulullah ﷺ tentang beliau mengidap penyakit bawasir, lalu Rasulullah ﷺ bersabda:

عَنْ عِمْرَانَ بْنِ حُصَيْنٍ رضي الله عنه قَالَ : كَانَتْ بِي بَوَاسِيرُ
 فَسَأَلْتُ النَّبِيَّ ﷺ عَنِ الصَّلَاةِ فَقَالَ : صَلِّ قَائِمًا
 فَإِنْ لَمْ تَسْتَطِعْ فَقَاعِدًا فَإِنْ لَمْ تَسْتَطِعْ فَعَلَى جَنْبٍ .
 وزاد النسائي: فان لم تستطع فمستلقيا لا يُكَلِّفُ
 اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا أَوْسَعَهَا

Maksudnya: *Daripada Imran bin Husain رضي الله عنه dia berkata: Dahulu aku pernah mengidap penyakit bawasir, lalu aku bertanya kepada*

³ Sepakat ulama bahawa berdiri pada masa solat akan gugur pada solat fardu dan sunat dengan sebab lemah untuk berdiri, sakit atau lainnya. Ini berdasarkan hadis Rasulullah ﷺ dalam *Sahih al-Bukhari*. Lihat *al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah* (34/107).

Nabi ﷺ tentang solat. Jawab Baginda: Solatlah secara berdiri, jika kamu tidak mampu, maka solatlah secara duduk, jika kamu tidak mampu juga, maka solatlah di atas rusuk (mengiring).

(Riwayat al-Bukhari: 1050)

Ditambah pada riwayat Al-Nasai'i: Jika kamu tidak mampu juga maka solatlah secara melintang, Allah tidak memberati seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya.

Berkata Imām Ibn Hajar al-Asqalani Rahimahullah:

استدل به من قال لا ينتقل المريض إلى القعود إلا بعد
عدم القدرة على القيام

Maksudnya: Berhujah dengan hadis ini ulama berpendapat bahawa tidak dibolehkan seseorang yang sakit itu berpindah kepada duduk (ketika solat) melainkan setelah dia tidak mampu untuk berdiri.⁴

Berdasarkan kepada nas tersebut, jelas menunjukkan bahawa bagi mereka yang betul-betul tidak mampu berdiri, bolehlah bersolat secara duduk sama ada di

4 *Fath al-Bari*, Syarah Sahih al-Bukhari, Jil. 2, Hlm. 588

atas lantai dengan berbagai cara seperti duduk secara iftirasy, bersila dan sebagainya atau duduk di atas kerusi.

A. PENJELASAN MAKNA DUDUK

Sabda Rasulullah ﷺ dalam hadis tersebut di atas adalah bersifat umum dengan menyebut قَاعِدًا (duduk) dan Baginda tidak menyuruh duduk di atas lantai tetapi hanya menyuruh duduk secara mutlak sama ada duduk di atas lantai, atas kerusi atau seumpamanya. Malah penggunaan bahasa Arab juga menyebut duduk atas kerusi itu juga dengan perkataan فُؤُود (duduk). Ini amat jelas sebagaimana yang disebut dalam sahih Muslim yang diriwayatkan oleh Abu Rifa'ah:

قَالَ أَبُو رِفَاعَةَ: انْتَهَيْتُ إِلَى النَّبِيِّ ﷺ وَهُوَ يَخْطُبُ. قَالَ
 فَقُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ! رَجُلٌ غَرِيبٌ. جَاءَ يُسْأَلُ عَنْ دِينِهِ.
 لَا يَدْرِي مَا دِينُهُ. قَالَ فَأَقْبَلَ عَلَيَّ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ. وَتَرَكَ
 خُطْبَتَهُ حَتَّى انْتَهَى إِلَيَّ. فَأَتَى بِكُرْسِيِّ، حَسَبْتُ قَوَائِمَهُ
 حَدِيدًا. قَالَ فَفَعَدَّ عَلَيْهِ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ. وَجَعَلَ يُعَلِّمُنِي
 مِمَّا عَلَّمَهُ اللَّهُ. ثُمَّ أَتَى خُطْبَتَهُ فَأَتَمَّ آخِرَهَا

Maksudnya: *Daripada Abu Rifa'ah katanya: Aku tiba di tempat Nabi berada ketika beliau sedang berkhotbah. Lalu aku berkata kepada beliau: Ya, Rasulullah! Aku seorang asing, sengaja datang hendak bertanya kepada kamu perihal agama yang aku belum tahu, apakah agama itu? Rasulullah ﷺ mendatangiku dan memutuskan khotbahnya. Ketika beliau telah sampai ke dekatku, diberikan orang sebuah kerusi, yang seingatku kakinya terbuat dari besi, untuk tempat duduk beliau. Rasulullah ﷺ duduk di kerusi itu, lalu beliau ajarkan kepadaku perihal agama yang telah diajarkan Allah kepada beliau. Sesudah itu, beliau meneruskan khotbahnya hingga selesai.*⁵

Dalam sunan Abi Daud dan an-Nasa'i:

حَدَّثَنِي شُعْبَةُ قَالَ سَمِعْتُ مَالِكَ بْنَ عُرْفَةَ سَمِعْتُ عَبْدَ خَيْرٍ
 قَالَ رَأَيْتُ عَلِيًّا رضي الله عنه أَتَى بِكُرْسِيِّ فَقَعَدَ عَلَيْهِ ثُمَّ أَتَى بِكُوزٍ
 مِنْ مَاءٍ فَغَسَلَ يَدَيْهِ ثَلَاثًا ثُمَّ تَمَضَّضَ مَعَ الْإِسْتِنْشَاقِ بِمَاءٍ
 وَاحِدٍ

Maksudnya: *Berkata Syu'bah, aku mendengar daripada Malik Bin 'Urfutah daripada Abdul*

⁵ Hadis Riwayat Muslim, No. 876

Khair dia berkata: Aku pernah melihat Ali ﷺ; didatangkan kepadanya sebuah kerusi, lalu dia duduk di atasnya. Kemudian didatangkan kepadanya sebuah bekas berisi air. Lalu dia mencuci tangannya tiga kali, kemudian berkumur-kumur serta memasukkan air ke hidungnya dengan sekali ambilan.

(Sunan Abu Daud⁶ , Sunan an-Nasa'i⁷)

B. HURAIAN MAKNA قعد DARIPADA PEMAHAMAN AHLI BAHASA ARAB

Ahli Bahasa Arab telah memberikan makna yang berbeza di antara perkataan قعد dengan جلس yang mana kedua-duanya mempunyai terjemahan yang sama dalam bahasa Melayu. Antaranya seperti berikut:

قد فرق بينهما بأن الجلوس: هو الانتقال من سفلى إلى علو والقعود: هو الانتقال من علو إلى أسفل فعلى الأول يقال لمن هو نائم: اجلس وعلى الثانى لمن هو قائم: اقعد

Maksudnya: *Perbezaan di antara kedua-duanya iaitu kalimah الجلوس: iaitu perpindahan daripada bawah ke atas, manakala perkataan*

⁶ Sunan Abu Daud, Jil. 1, Hlm. 28, Hadis 113

⁷ Sunan an-Nasa'i, Jil. 1, Hlm. 137, Hadis 93

القعود: *laitu perpindahan daripada atas ke bawah. (Berdasarkan kepada penjelasan) yang pertama, maka arahan duduk ditujukan bagi orang yang sedang tidur dengan اجلس. Dan yang kedua pula, diberikan arahan bagi orang yang sedang berdiri dengan perkataan اقعد.*⁸

Berkata ‘Allamah Murthadha pula:

القعود من القيام والجلوس من الضجعة ومن السجود

Maksudnya: *القعود daripada perbuatan berdiri, manakala الجلوس pula daripada perbuatan mengiring dan sujud.*⁹

KEUZURAN YANG DIBENARKAN UNTUK SOLAT SECARA DUDUK

Berkata Imām al-Al-Nawawi Rahimahullah di dalam kitab *al-Majmuk*:

اجمعت الامة على أن من عجز عن القيام في الفريضة صلاها قاعدا ولا إعادة عليه قال اصحابنا ولا ينقص ثوابه عن ثوابه

⁸ *Al-Mu'jam al-Furu' al-Lughawiyah*, Abu Hilal al-Askari, Hlm. 637.

⁹ *Taj al-Urus*, Murtadha al-Zabidi, Hlm. 164.

في حال القيام لأنه معذور وقد ثبت في صحيح البخاري أن رسول الله ﷺ قال: إِذَا مَرِضَ الْعَبْدُ أَوْ سَافَرَ كُتِبَ لَهُ مَا كَانَ يَعْمَلُ مُقِيمًا صَحِيحًا. قال أصحابنا ولا يشترط في العجز أن لا يتأتى القيام ولا يكفي أدنى مشقة بل المعتبر المشقة الظاهرة فإذا خاف مشقة شديدة أو زيادة مرض أو نحو ذلك أو خاف راكب السفينة الغرق أو دوران الرأس صلى قاعدا ولا إعادة

Maksudnya: *Umat telah bersepakat bahawa sesiapa yang tidak mampu untuk berdiri di dalam solat fardu, maka dia boleh melakukannya secara duduk dan solat tersebut tidak perlu diulangi. Demikian juga pahalanya (solat secara duduk) tidak berkurang daripada solat secara berdiri kerana dia diberikan keuzuran. Telah sabit di dalam Sahih al-Bukhari bahawasanya Rasulullah ﷺ bersabda:*

إِذَا مَرِضَ الْعَبْدُ أَوْ سَافَرَ كُتِبَ لَهُ مَا كَانَ يَعْمَلُ مُقِيمًا صَحِيحًا

Maksudnya: *Apabila seseorang hamba itu sakit ataupun dia bermusafir akan dituliskan (ganjaran) untuknya sama seperti mana amalan yang dilakukan oleh seorang yang*

dalam keadaan bermukim dan seorang yang dalam keadaan sihat.

(Hadis riwayat al-Bukhari : 2774)

*Berkata ashab kami, tidak disyaratkan pada lemah itu semata mata tidak dapat berdiri dan **tidak memadai sekadar sedikit kepayahan**, bahkan perlu diambil kira kepayahan yang jelas. Sekiranya seseorang (yang solat secara berdiri) itu takutkan kesusahan yang kuat atau bertambahnya kesakitan, ataupun seorang yang berada di atas sampan takut tenggelam (jika solat berdiri) ataupun dia berasa pening kepala maka dia boleh untuk solat secara duduk serta tidak perlu untuk mengulanginya.¹⁰*

Di dalam *al-Taqrirat al-Sadidah* pula dijelaskan pendapat Imām al-Ramli:

وعند الرملي: يجوز له أن يجلس إذا لحقته مشقة تذهب الخشوع

Maksudnya: *Imām al-Ramli menyatakan: Dibolehkan untuk seseorang itu solat secara duduk apabila terdapatnya masyaqqah (kepayahan) yang boleh menghilangkan kekhusyukan¹¹(semasa solat).¹²*

¹⁰ *Al-Majmu' Syarah al-Muhazzab*, Imām al-Al-Nawawi, Jil. 4, Hlm. 310

¹¹ Hilang khusyuk ialah hilangnya tumpuan dan sibuk dengan perkara lain.

¹² *Al-Taqrirat Al-Sadidah*, Hasan Bin Ahmad Al-Kaf, Hlm. 214.

Kata Imām Al-Nawawi menyatakan:

الذي اختاره إمام الحرمين في ضبط العجز: أن يلحقه
بالقيام مشقة تذهب خشوعه

Maksudnya: *Imām al-Haramain (Abdul Malik al-Juwaini رَضِيَ اللهُ عَنْهُ) berpandangan: Bahawa kriteria tidak mampu berdiri itu adalah sekiranya dia berdiri, akan menyebabkan masyaqqah yang menghilangkan kekhushyukannya.*¹³

KEADAAN YANG MEMBOLEHKAN SESEORANG SOLAT SECARA DUDUK

Di dalam kitab-kitab Feqah para ulama terdahulu, terdapat beberapa perkara atau contoh yang dianggap sebagai *masyaqqah* (kepayahan) yang membolehkan seseorang itu solat secara duduk. Berikut beberapa contoh:

- a. Tidak mampu untuk berdiri.
- b. Mempunyai penyakit yang akan bertambah teruk sekiranya bersolat secara berdiri.

¹³ *Raudhah al-Tholibin*, Imām An-Al-Nawawi, Hlm. 341.

- c. Berada di atas kapal, sampan, atau perahu, yang ditakuti akan tenggelam sekiranya melakukan solat secara berdiri di atasnya.
- d. Seseorang yang berasa pening kepala.
- e. Sakit yang boleh mengganggu khusyuk di dalam solat.
- f. Solat di atas kapal terbang jika dikhuatiri jatuh atau berada pada kedudukan yang tidak stabil apabila dilakukan solat secara berdiri.
- g. Solat di dalam kereta api seperti perkhidmatan ETS (*Electric Train Service*) dan seumpamanya.
- h. Seseorang yang mengalami penyakit *salis al-baul* yang jika sekiranya dia berdiri akan menyebabkan air kencingnya mengalir atau lebih banyak akan mengalir keluar.

TATACARA SOLAT SECARA DUDUK

Bagi sesiapa yang mempunyai *masyaqqah* (kepayahan) untuk solat secara berdiri disebabkan oleh penyakit ataupun perkara selainnya, berikut dinyatakan beberapa tatacara yang boleh dilakukan untuk solat dalam keadaan tersebut:

- a. Sekiranya seseorang itu tidak mampu berdiri di sepanjang solatnya maka bolehlah dia solat secara duduk dari awal hingga akhir solatnya.
- b. Solat secara duduk adalah lebih *afdhal* dilakukan secara iftirasy¹⁴ (duduk ketika tasyahud awal), hal ini berdasarkan pandangan Imām al-Nawawi:

قال النووي رحمه الله: ولو عجز عن القيام.. قعد كيف شاء وافتراشه أفضل من تربعه في الأظهر

Maksudnya: *Imām Al-Nawawi Rahimahullah menyatakan: Dan sekiranya seseorang lemah itu daripada berdiri boleh duduk seperti mana yang diinginkan, dan duduk secara iftirasy itu terlebih baik berbanding duduk bersila menurut pendapat yang lebih kuat.*¹⁵

¹⁴ Duduk iftirasy adalah duduk dengan menegakkan kaki kanan dan membentangkan kaki kiri kemudian duduk di atas kaki kiri tersebut. Menurut Imām Syirazi bahawa duduk iftirasy adalah duduk ibadah sedangkan duduk bersila (tarabbuq) adalah duduk sebagai adat kebiasaan. (*Al-Majmu' Syarah al-Muhazzab*, Jld. 4, Hlm 309).

¹⁵ *Minhaj al-Thalibin*, Imām al-Nawawi, Hlm. 97.

Selain itu diharuskan juga duduk secara *tarabbuq*¹⁶, *iq'ak*¹⁷, *tawarruk*¹⁸ dan melunjur kaki (makruh jika tiada sebab).

- c. Sekiranya seseorang solat duduk di atas kerusi dan tidak mampu untuk berdiri ketika takbiratul ihram, maka dia boleh untuk melakukannya secara duduk, walau bagaimanapun beliau wajib berdiri semula pada mana-mana *qiyam* solatnya.
- d. Sekiranya seseorang itu mampu berdiri ketika sedang membaca al-Fatihah maka hendaklah dia berdiri terlebih dahulu sebelum dia menyambung bacaannya (al-Fatihah), kerana syarat sah membaca al-Fatihah hendaklah dibaca dalam keadaan berdiri bagi yang mampu.¹⁹
- e. Manakala rukuk dan sujud pada kedua-dua keadaan di atas wajiblah dilakukan sebagaimana biasa (di atas lantai). Imām al-Nawawi menegaskan dengan berkata:

وأما سجوده، فكسجود القائم. هذا إذا قدر القاعد على
الركوع والسجود

Maksudnya: Dan adapun sujudnya (orang yang

¹⁶ Duduk secara bersila.

¹⁷ *Iq'ak*: adalah dengan menegakkan kedua kaki lalu duduk di atas kedua tumit kaki, dan jari-jari kaki menghadap ke arah kiblat.

¹⁸ *Tawarruk*: adalah duduk dengan menegakkan kaki kanan dan menghamparkan kaki kiri ke depan (di bawah kaki kanan), dan papan punggung diletakkan di atas lantai.

*solat secara duduk) seperti sujud orang yang solat secara berdiri. Ini apabila orang yang solat secara duduk itu mampu untuk rukuk dan sujud.*²⁰

Imām Nawawi membahaskan tentang sujud seseorang yang boleh meletakkan dahi dan seluruh anggota yang lain **di atas lantai** kepada tiga;

1. Bahagian atas lebih tinggi dari bahagian bawah bermaksud kepala seseorang itu lebih tinggi dari punggungnya maka sujud ini **tidak sah** kerana tidak menepati makna sujud.
2. Bahagian bawah (punggung) lebih tinggi dari bahagian atas (kepala) walaupun kedudukan kepala itu agak tinggi sedikit seperti diletakkan bantal di tempat sujud (iaitu kedudukan kepala masih rendah daripada punggung), inilah **sujud yang sah** dan dituntut oleh syarak.
3. Separas bahagian atas dan bahagian bawah bermaksud kedudukan kepala separas atau selari dengan kedudukan punggung, maka **tidak sah** pada pandangan *qawl aṣah* mazhab Syafi'i.²¹

¹⁹ *Al-Majmu' Syarah al-Muhazzab, Jld. 4, Hlm. 319*

²⁰ *Raudhah al-Tholibin, Imām al-Nawawi, Hlm. 342.*

²¹ *Raudhah al-Tholibin, Jil.1, Hlm. 362-363.*

- f. Jika seseorang itu mampu berdiri dan rukuk tetapi tidak mampu untuk sujud hendaklah dia berdiri dan rukuk seperti biasa, kemudian bolehlah duduk ketika melakukan sujud dengan isyarat kerana duduk itu lebih hampir pada kedudukan sujud.
- g. Jika seseorang itu mampu berdiri untuk solat dan tidak mampu untuk rukuk dan sujud, hendaklah dia berdiri terlebih dahulu. Kemudian dibolehkan dia duduk dan melakukan rukuk dan sujud secara isyarat sahaja. Kenyataan ini berdasarkan hadis Nabi ﷺ:

وإذا أمرتكم بأمر فافعلوا منه ما استطعتم

Maksudnya: *Apabila aku menyuruh kamu dengan sesuatu perintah maka lakukanlah ia sekadar kemampuan kamu.*

(Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim)

- h. Kedudukan secara isyarat sebagaimana yang dihuraikan oleh Imām al-Nawawi adalah seperti berikut ²²;
1. Had paling sempurna bagi rukuk ialah apabila dahinya setentang atau berhampiran dengan tempat sujudnya. Sujudnya hendaklah lebih

²² Al-Majmu' Syarah al-Muhazzab, Juz.4, Hlm. 311-313

rendah daripada kadar rukuknya.

2. Jika seseorang itu hanya mampu melakukan rukuk pada had paling sempurna sahaja dan sujud tidak mampu dilakukan lebih daripada itu maka hendaklah dia melakukan sujud dan rukuk pada kadar yang sama.
3. Jika seseorang yang hanya mampu melakukan rukuk pada had paling minimum iaitu menundukkan kepala sehingga dahinya setentang dengan kawasan di hadapan lututnya dan sujud hendaklah lebihkan sedikit. Jika tidak mampu dilakukan lebih daripada itu maka hendaklah dia melakukan sujud dan rukuk pada kadar yang sama.
4. Jika seseorang itu tidak mampu untuk melakukan rukuk dan sujud pada had paling minimum maka hendaklah membongkokkan badannya sekadar kemampuannya dengan membezakan antara rukuk dan sujud.
5. Jika seseorang itu tidak mampu untuk melakukan rukuk dan sujud dengan membongkokkan badannya maka hendaklah dia menundukkan

kepala sekadar mampu dengan membezakan antara rukuk dan sujud.

6. Jika seseorang itu tidak mampu pula untuk melakukan rukuk dan sujud dengan menggunakan kepala maka hendaklah dia menggunakan isyarat mata dengan membezakan antara rukuk dan sujud.

- i. Melakukan sujud dalam keadaan isyarat adalah tidak wajib lagi menjadikan punggung lebih tinggi daripada kepala (tankis) kerana sudah hilang *haiah* (bentuk) sujud. Perkara ini diisyaratkan oleh Imām Ibrahim al-Baijuri dalam *Syarh Fath al-Qarib*, dan disebut juga oleh Imām Khatib al-Syirbini dalam *al-Iqna`*. Kata al-Baijuri:

فإن أمكنه السجود على نحو وسادة يضعها تحت جبهته مع التنكيس لزمه لحصول هيئة السجود بذلك وإن كان بلا تنكيس لم يلزمه السجود عليها لفوات هيئة السجود بل يكفيه ما أمكنه من الانحناء

Maksudnya: *Sekiranya seseorang itu mampu bersujud atas suatu seumpamanya bantal yang*

dia letakkan di bawah dahinya berserta tankis (menjadikan punggung lebih tinggi daripada kepala) maka wajib dia lakukannya kerana dapat menghasilkan bentuk sujud dengan demikian itu. (Namun) sekiranya demikian itu berlaku tanpa mendapat tankis, maka tidak wajib dia sujud atas bantal lantaran hilangnya bentuk sujud. Bahkan, cukup baginya melakukan apa yang dia mampu dengan menunduk.²³

- j. Tidaklah perlu sujud dengan meletakkan tapak tangan dan dahi di atas sesuatu yang berada di hadapannya seperti yang dilakukan oleh sesetengah penumpang kapal terbang yang menjadikan meja makan sebagai tempat sujud ataupun menempah kerusi khusus yang disiapkan meja kecil untuk dijadikan tempat sujud. Ini berdalilkan hadis Nabi ﷺ yang diriwayatkan oleh Imām al-Tabarani:

عن ابن عمر قال: قال رسول الله ﷺ: من استطاع منكم أن يسجد فليسجد ومن لم يستطع فلا يرفع إلى جبهته شيئاً ليسجد عليه ولكن ركوعه وسجوده يومئ برأسه

Maksudnya: *Daripada Ibnu Umar dia berkata:*

²³ Hasyiah al-Bajuri 'Ala Fath al-Qarib, Jld. 1, Hlm. 293.

Rasulullah ﷺ bersabda: Sesiapa yang mampu sujud di kalangan kamu, maka hendaklah ia sujud dan sesiapa yang tidak mampu, maka janganlah dia mengangkat sesuatu ke dahinya untuk dia sujud ke atasnya, tetapi rukuk dan sujudnya secara isyarat dengan kepalanya.²⁴

Dan hadis yang diriwayatkan oleh Imām Baihaqi:

عَنْ جَابِرٍ قَالَ: عَادَ النَّبِيُّ ﷺ مَرِيضًا فَرَأَهُ يُصَلِّي عَلَى وَسَادَةٍ،
فَرَمَى بِهَا، وَقَالَ: «صَلِّ عَلَى الْأَرْضِ إِنْ اسْتَطَعْتَ، وَإِلَّا فَأَوْمِ
إِيْمَاءً، وَاجْعَلْ سُجُودَكَ أَخْفَضَ مِنْ رُكُوعِكَ

Maksudnya: *Daripada Jabir; Nabi ﷺ pernah menjenguk orang sakit. Baginda melihat orang itu sedang solat di atas bantal, lalu Baginda membuangnya. Nabi ﷺ bersabda: Solatlah di atas tanah jika engkau mampu, jika tidak maka gunalah isyarat dan jadikan (isyarat) sujudmu lebih rendah daripada (isyarat) rukuk-Mu.²⁵*

Hadis ini menjelaskan bahawa pesakit yang tidak mampu untuk sujud di atas lantai tidaklah perlu menjadikan sesuatu benda bagi sujud di atasnya dan juga hendaklah dapat dibezakan di antara rukuk dan sujud dengan dilakukan sujud lebih

²⁴ *Al-Mu'jam Al-Aushat*, 15/365.

²⁵ *Sunan Al-Kubra (10/54)*: Hadis No. 3819.

rendah daripada rukuk.²⁶

Imām al-Syafi'i pula menjelaskan di dalam kitab *Al-Umm*:

ولا يرفع إلى جبهته شيئاً ليسجد عليه لأنه لا يقال له
ساجد حتى يسجد بما يلصق بالأرض فإن وضع وسادة على
الأرض فسجد عليها أجزأه ذلك إن شاء الله تعالى

Maksudnya: *Dan tidaklah perlu dia mengangkat sesuatu benda ke dahinya untuk sujud di atasnya, kerana bahawa tidak dikatakan baginya orang yang sujud sehingga dia sujud ke atas sesuatu yang berhubung terus dengan lantai. Maka jika dia meletakkan bantal di atas lantai dan sujud di atasnya, maka telah memadai. Insya Allah.*²⁷

Imām Nawawi pula *mentarjih* pandangan ini dan beliau menjelaskan inilah pendapat yang *aşah* di dalam mazhab, katanya:

بل يكفيه الخفض المذكور قال الرافي هذا أشبه بكلام
الأكثرين لأن هيئة السجود متعذرة فيكفيه الخفض
الممكن

²⁶ *Fath Al-A'llam Syarh Bulugh Al-Maram*, Jld.1, Hlm.153.

²⁷ *Al-Umm*, Jld.1, Hlm.100.

Maksudnya: *Bahkan cukup sekadar tunduk yang tersebut. Berkata Imām al-Rafi'e: Inilah lebih hampir kepada pendapat kebanyakan ulama, kerana sujud seperti biasa tidak mampu lagi dilakukan, maka memadai sekadar tunduk yang mampu dilakukan.*²⁸

Kesimpulannya, **bagi seseorang yang bersolat secara duduk, termasuk duduk di atas kerusi, tetapi rukun *fi'li* (perbuatan) boleh dilakukan dengan sempurna, maka hendaklah ia dilakukan mengikut keadaan asalnya.** Contohnya, seseorang yang mampu untuk rukuk dalam keadaan asalnya yakni secara berdiri hendaklah melakukannya dalam keadaan berdiri. Begitu juga bagi sifat sujud.

Mana-mana rukun *fi'li* yang tidak boleh dilakukan dengan sempurna sahaja, dibolehkan untuk melakukannya secara isyarat sambil duduk di atas kerusi. Ini adalah berdasarkan kepada maksud firman Allah ﷻ di dalam surah al-Taghabun ayat 16: *Bertakwalah kamu kepada Allah setakat mana yang kamu mampu.* Hal ini juga bersesuaian dengan kaedah Fiqh yang berbunyi:

إِذَا بَطَلَ الْأَصْلُ يُصَارُ إِلَى الْبَدَلِ

²⁸ Al-Majmu' Syarah al-Muhazzab, Jld.3, Hlm. 436.

Maksudnya: *Jika batal hukum asal maka berpindah kepada hukum ganti.*

Berkata Syeikh Ahmad al-Zarqa:

إِذَا بَطَلَ الْأَصْلُ بِأَنْ صَارَ مُتَعَذِّراً يُصَارُ إِلَى الْبَدَلِ أَمَا مَا دَامَ
الْأَصْلُ مُمَكِّناً فَلَا يُصَارُ إِلَى الْبَدَلِ

Maksudnya: *Jika batal hukum asal dengan jadinya seseorang itu uzur maka berpindah hukum kepada hukum ganti. Adapun selama mana hukum asal itu boleh dilakukan maka tidak boleh berpindah kepada hukum ganti.*²⁹

BEBERAPA CADANGAN ATAU DHAWABIT

Beberapa cadangan atau *dhawabit* bagi sesiapa yang ingin melaksanakan solat secara duduk di atas kerusi seperti berikut:

- a. Hendaklah kedudukan kerusi yang digunakan oleh para jemaah yang uzur atau tidak mampu berdiri itu berada di hujung saf. Namun tidaklah mengapa sekiranya kerusi berada di tengah saf dalam kes makmum yang lain datang lewat sedangkan solat

²⁹ *Syarh al-Qawaid al-Fiqhiyyah*, Hlm.287.

sudah pun didirikan, malah jika sekiranya dia berada di hujung saf juga maka ia akan terasing dari jemaah dan terputus saf daripada mereka.

- b. Jika sekiranya kumpulan ini ramai, alangkah baik dikhususkan bagi mereka pada satu tempat. Hal ini dilakukan oleh sebahagian masjid di negara Arab.
- c. Bahagian belakang kaki kerusi perlulah selari dengan kedudukan tumit kaki jemaah yang berada di sebelah.
- d. Kedudukan kaki mereka yang solat duduk di atas kerusi hendaklah tidak melebihi kedudukan Imām.
- e. Orang yang duduk di atas kerusi tetapi boleh berdiri hendaklah mendekatkan seboleh mungkin dengan garisan saf untuk mewujudkan keselarian antara saf.
- f. Kerusi yang digunakan hendaklah bersaiz kecil dan tidak terlalu besar, ini supaya keseragaman saf dapat dijaga serta memberikan keselesaan bagi jemaah yang lain.
- g. Jika seseorang itu solat secara duduk secara

berterusan maka kedudukan belakang badannya hendaklah selari dengan orang yang solat di sebelahnya.

HUKUM SOLAT BAGI YANG MAMPU BERDIRI TETAPI TIDAK MAMPU DUDUK

Berdiri adalah salah satu rukun solat bagi solat fardu, termasuklah solat kanak-kanak, solat yang diulang dan solat yang dinazarkan.³⁰

Maksud berdiri yang sempurna iaitu membetulkan belakang, tidak condong ke mana-mana arah ataupun condong ke hadapan tetapi masih hampir dari had berdiri jika dibandingkan dengan had rukuk. Tetapi sah berdiri dalam keadaan had rukuk disebabkan tua atau sakit. Memadai berdiri serta makruh jika bersandar kepada sesuatu sekalipun jika dibuang sandaran itu berkemungkinan dia jatuh.

Termasuk dalam kategori yang mampu berdiri dengan menggunakan tongkat di sepanjang waktu solatnya atau ada orang yang boleh membantunya berdiri pada awal solatnya sahaja sama ada dengan percuma atau dikenakan bayaran yang sepadan.³¹

³⁰ *Hasyiah Bajuri*, Jld.1, Hlm. 151.

³¹ *Raudhah al-Tholibin*, Jld. 1, Hlm. 339-340; *Hasyiah Bajuri*, Jld. 1, Hlm. 151; *Hasyiah al-Qalyubi wa Umairah*, Jld. 1, Hlm. 145.

Tatacara solat bagi yang mampu berdiri tetapi tidak mampu rukuk dan sujud:

1. Seseorang yang mampu solat secara berdiri tetapi tidak mampu untuk rukuk dan sujud daripadanya seperti sebab sakit tulang belakangnya, hendaklah dia solat secara berdiri dan lakukan rukuk, sujud dengan membongkokkan badannya sekadar yang termampu. Sekiranya tidak mampu untuk membongkokkan badan hendaklah pula dengan menggunakan tengkuknya dan kepala. Sekiranya tidak mampu juga, hendaklah dia mengisyaratkan rukuk dan sujud.³² Ini berdasarkan hadis Nabi ﷺ:

إذا أمرتكم بأمر فأتوا منه ما استطعتم

Maksud: *Apabila aku menyuruh kamu dengan sesuatu perkara, maka lakukanlah sekadar kemampuan kamu.*

2. Diwajibkan bagi orang yang mampu rukuk tetapi tidak mampu sujud (yakni solat dalam keadaan berdiri), untuk sujud dalam bentuk rukuk dengan menundukkan kepala lebih daripada had kesempurnaan rukuk, sekiranya mampu. Sekiranya tidak mampu, maka sujudlah dalam

³² *Tuhfah al-Muhtaj*, Jld.1, Hlm. 184

bentuk rukuk.³³ Perkara ini diterangkan oleh Imām Syamsuddin al-Ramli dalam kitab *Nihayah al-Muhtaj* (1/469):

وَلَوْ قَدَرَ الْمُصَلِّي عَلَى الرُّكُوعِ فَقَطَّ كَرَّرَهُ لِلسُّجُودِ، وَمَنْ قَدَرَ
عَلَى زِيَادَةٍ عَلَى أَكْمَلِ الرُّكُوعِ تَعَيَّنَتْ تِلْكَ الزِّيَادَةُ لِلسُّجُودِ
لِأَنَّ الْفَرْقَ وَاجِبٌ بَيْنَهُمَا عَلَى الْمُتَمَكِّنِ وَلَوْ عَجَزَ عَنِ
السُّجُودِ، إِلَّا أَنْ يَسْجُدَ بِمُقَدِّمِ رَأْسِهِ أَوْ صُدْغِهِ وَكَانَ بِذَلِكَ
أَقْرَبَ إِلَى الْأَرْضِ وَجَبَّ

Maksudnya: *Sekiranya orang bersolat itu hanya mampu untuk rukuk sahaja (tanpa sujud seperti biasa) maka dia perlu mengulangi rukuk bagi sujud. Dan barang siapa yang mampu untuk menambah (turun) lebih (bawah) daripada kadar kesempurnaan rukuk maka hendaklah dia menambah tunduk itu bagi sujud. Ini kerana mewujudkan perbezaan (antara rukuk dan sujud) itu wajib bagi orang yang berkuasa melakukannya sekalipun dia tidak mampu sujud (seperti biasa). Sekiranya dia mampu sujud dengan bahagian hadapan kepalanya, atau dengan pelipisnya, dan itulah*

³³ *Tuhfah al-Muhtaj*, Jld.1, Hlm. 184

bentuk yang menjadikan (kepalanya) lebih rapat ke bumi maka wajib dia melakukannya.

Had paling minimum untuk rukuk bagi orang yang solat berdiri adalah had turunnya badan apabila kedua-dua tapak tangannya memegang lututnya. Manakala had kesempurnaannya pula adalah menurunkan badan sehingga rata tulang belakangnya.³⁴ Dalam situasi ini hendaklah dia berdiri bagi menggantikan duduk di antara dua sujud dan tasyahud.

HUKUM BERSANDAR KETIKA MENUNAIKAN SOLAT

Dalam mazhab Syafi'i, seseorang yang bersolat secara berdiri tetapi bersandar atau bergantung pada sesuatu seperti dinding, manusia atau tongkat, maka hukum solatnya adalah sah, namun begitu hukumnya makruh sekiranya tiada keuzuran yang membolehkannya berbuat demikian. Manakala jika terdapat keuzuran maka dibolehkan dan hukumnya adalah harus.³⁵

Kenyataan ini berdasarkan kepada hadis Nabi ﷺ yang diriwayatkan daripada 'Imran bin Hussin رضي الله عنه:

³⁴ *Mughni al-Muhtaj*, Jld.1, Hlm. 364; *Tuhfatul Muhtaj*, Jld.1, Hlm. 184.

³⁵ *Al-Mu'tamad Fi Fiqh al-Syafi'i, al-Zuhaili*, Jld.1, Hlm.243.

عَنْ عِمْرَانَ بْنِ حُصَيْنٍ رضي الله عنه قَالَ : كَانَتْ بِي بَوَاسِيرُ
 فَسَأَلْتُ النَّبِيَّ صلى الله عليه وسلم عَنِ الصَّلَاةِ فَقَالَ : صَلِّ قَائِمًا فَإِنْ
 لَمْ تَسْتَطِعْ فَقَاعِدًا فَإِنْ لَمْ تَسْتَطِعْ فَعَلَى جَنْبٍ .
 وزاد النسائي: فان لم تستطع فمستلقيا لا يُكَلِّفُ
 اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا أَوْسَعَهَا

Maksudnya: *Daripada Imran bin Husain رضي الله عنه dia berkata: Dahulu aku pernah mengidap penyakit bawasir, lalu aku bertanya kepada Nabi صلى الله عليه وسلم tentang solat. Jawab Baginda: Solatlah secara berdiri, jika kamu tidak mampu, maka solatlah secara duduk, jika kamu tidak mampu juga, maka solatlah di atas rusuk (mengiring).*

(Riwayat al-Bukhari: 1050)

Ditambah pada riwayat Al-Nasai'i: Jika kamu tidak mampu juga maka solatlah secara melentang, Allah tidak memberati seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya.

Berdasarkan kenyataan ini, boleh disimpulkan bahawa sekiranya seseorang yang solat secara berdiri dalam keadaan bersandar maka dikira sah solatnya. Begitulah

juga hukum solat bagi seseorang yang duduk dalam keadaan bersandar. Lebih-lebih lagi jika dia bersandar disebabkan keuzuran yang diambil kira oleh syarak.

Namun begitu, adalah diingatkan bahawa bersandar semasa menunaikan solat sama ada secara duduk ataupun berdiri, **mestilah dengan keuzuran sahaja**. Adapun bagi mereka yang tidak mempunyai keuzuran dan sengaja bersandar, maka hukumnya adalah makruh. Justeru, hendaklah kita mengambil sikap mementingkan kesempurnaan ibadah dan tidak melakukannya sambil lewa.

RINGKASAN TATACARA SEMBAHYANG BAGI ORANG UZUR SYARIÈ

KEADAAN 1

Mampu berdiri tetapi tidak mampu duduk (di atas lantai atau kerusi)

- a. Berdiri betul (semasa takbiratul ihram dan menghabiskan rukun solat ketika berdiri sehingga sempurna).
- b. Rukuk pada had rukuk seperti biasa.
- c. Iktidal.
- d. Untuk sujud hendaklah dilakukan secara isyarat seperti rukuk dengan melebihkan had rukuk iaitu merendahkan tulang belakang daripada had rukuk yang asal.
- e. Sekiranya tidak mampu maka lakukanlah sujud secara isyarat dalam bentuk rukuk yang asal.
- f. Duduk di antara dua sujud dan tasyahud dilakukan dalam keadaan berdiri.



Berdiri betul (semasa takbiratul ihram dan menghabiskan rukun solat ketika berdiri sehingga sempurna)



Rukuk pada had rukuk seperti biasa.



Iktidal.



Untuk sujud hendaklah dilakukan secara isyarat seperti rukuk dengan melebihi had rukuk iaitu merendahkan tulang belakang daripada had rukuk yang asal.



Sekiranya tidak mampu maka lakukanlah sujud secara isyarat dalam bentuk rukuk yang asal.



Duduk di antara dua sujud dan tasyahud dilakukan dalam keadaan berdiri.

KEADAAN 2

Mampu berdiri tetapi tidak mampu untuk duduk serta tidak mampu untuk rukuk dan sujud seperti biasa.

- a. Berdiri betul (semasa takbiratul ihram dan menghabiskan rukun berdiri sehingga sempurna).
- b. Rukuk dan sujud dengan kadar termampu dengan isyarat badan, kalau tidak mampu hendaklah menggunakan tengkuk dan kepala.
- c. Duduk di antara dua sujud dan tasyahud dilakukan dalam keadaan berdiri.



Berdiri betul (semasa takbiratul ihram dan menghabiskan rukun berdiri sehingga sempurna)

(b(i))

Untuk sujud hendaklah dilakukan secara isyarat seperti rukuk dengan melebihi had rukuk iaitu merendahkan tulang belakang daripada had rukuk yang asal.



Rukuk dan sujud dengan kadar termampu dengan isyarat badan, kalau tidak mampu hendaklah menggunakan tengkuk dan kepala.

(c)

Duduk di antara dua sujud dan tasyahud dalam keadaan berdiri.

KEADAAN 3

Mampu berdiri, rukuk, duduk tetapi tidak mampu sujud kerana kecederaan atau sakit lutut (tidak boleh meletakkan lutut di atas lantai).

- a. Berdiri betul (semasa takbiratul ihram dan menghabiskan rukun berdiri sehingga sempurna).
- b. Rukuk dan Iktidal seperti biasa.
- c. Sujud secara isyarat dalam keadaan duduk di atas kerusi.
- d. Duduk di antara dua sujud dan tasyahud dilakukan dalam keadaan duduk di atas kerusi.



Berdiri betul (semasa takbiratul ihram dan menghabiskan rukun berdiri sehingga sempurna).



Rukuk dan iktidal seperti biasa

Sujud secara isyarat dalam keadaan duduk di atas kerusi.



Duduk di antara dua sujud dan tasyahud dalam keadaan duduk di atas kerusi.

KEADAAN 4

Mampu berdiri, rukuk, sujud dan tidak mampu duduk di atas lantai tetapi boleh duduk di atas kerusi kerana tidak dapat melipatkan kaki.

- a. Berdiri betul (semasa takbiratul ihram dan menghabiskan rukun berdiri sehingga sempurna).
- b. Rukuk dan Iktidal seperti biasa.
- c. Sujud seperti biasa iaitu dengan meletakkan semua anggota sujud di atas lantai.
- d. Duduk di antara dua sujud dan tasyahud dilakukan dalam keadaan duduk di atas kerusi.



Berdiri betul (semasa takbiratul ihram dan menghabiskan rukun berdiri sehingga sempurna).



Rukuk dan iktidal seperti biasa



Sujud seperti biasa iaitu dengan meletakkan semua anggota sujud di atas lantai.




Duduk di antara dua sujud dan tasyahud dalam keadaan duduk di atas kerusi.

KEADAAN 5

Tidak mampu berdiri atau mampu berdiri dan melaksanakan semua rukun solat tetapi menghadapi kesukaran (kepayahan kepada keadaan) untuk berdiri seperti berada di atas kapal, kereta api, kapal terbang, pening kepala yang bersangatan, penyakit *salis al-baul* dan seumpamanya.

- a. Memulakan takbiratul Ihram dalam keadaan duduk (dalam keadaan menghadap kiblat).
- b. Rukuk secara isyarat dengan membongkokkan belakang.
- c. Sujud seperti biasa iaitu dengan meletakkan semua anggota sujud di atas lantai.
- d. Jika tidak mampu sujud di atas lantai maka hendaklah sujud secara isyarat iaitu dengan melebihikan bongkokkan belakang dari had rukuk.
- e. Duduk di antara dua sujud dan tasyahud dilakukan dalam keadaan duduk di atas kerusi.


Panduan Solat Menggunakan Kerusi Disebabkan Keuzuran



(a(i))



(a(ii))



(b)

Memulakan takbiratul Ihram dalam keadaan duduk (dalam keadaan menghadap kiblat).

Rukuk secara isyarat dengan membongkokkan belakang.




(c)

Sujud seperti biasa iaitu dengan meletakkan semua anggota sujud di atas lantai.



(d)

Jika tidak mampu sujud di atas lantai maka hendaklah sujud secara isyarat iaitu dengan melebihi bongkokkan belakang dari had rukuk.



(e)

Duduk di antara dua sujud dan tasyahud dalam keadaan duduk di atas kerusi.

PENUTUP

Islam merupakan suatu agama yang memberi rahmat kepada sekalian alam. Demikian juga Islam itu bersifat dengan *qillah al-takalif* (sedikit taklif) serta *'adamul haraj* (tidak menyusahkan). Ini berbetulan dengan firman Allah ﷻ:

يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ ...

Maksudnya: *Allah mahukan kemudahan untuk kamu dan Dia tidak mahukan kepayahan buat kamu...*

(Surah al-Baqarah: 185)

Syeikh al-Sobuni berkata: Allah ﷻ mengkehendaki dengan rukhsah ini sebagai keringanan bagi kamu dan bukan memberatkan.³⁶

Begitu juga firman-Nya:

هُوَ أَجْتَبَنَكُمْ وَمَا جَعَلَ عَلَيْكُمْ فِي الدِّينِ مِنْ حَرَجٍ ...

Maksudnya: *Dan tidaklah Allah menjadikan ke atas kalian kepayahan di dalam agama...*

(Surah al-Hajj: 78)

³⁶ Sofwah al-Tafasir, Jld.1, Hlm.108.

Al-Sobuni berkata: Allah ﷻ tidak jadikan kamu pada agama ini sebarang bentuk kesempitan dan masyaqqah. Dia juga tidak sekali-kali mentaklifkan kamu apa yang kamu tidak mampu, bahkan ia adalah agama yang penuh toleransi.³⁷

Kita hendaklah memahami fiqh solat dengan sebenarnya mengikut neraca syariah Islamiah yang tepat dan sahih. Oleh itu, berkenaan isu solat secara duduk di atas kerusi ini hukumnya adalah sah sebagaimana yang telah dibahas dalam panduan ringkas ini dengan huraian yang terperinci.

Akan tetapi pelaksanaannya hendaklah menepati syarat-syarat serta *dhawabit* yang telah disebutkan. Yang penting adalah pelaksanaan solat mengikut apa yang telah dinyatakan oleh syarak serta apa yang telah diajarkan oleh para fuqaha dan ulama dalam memberikan solusi yang berkaitan dengan isu ini. Solat yang menjadi tiang agama perlulah dilaksanakan dengan sebaiknya dengan meraikan segala rukun dan juga syarat-syaratnya.

Semoga pencerahan ini dapat memberikan kefahaman serta merungkaikan kekeliruan kepada kita semua. Didoakan supaya Allah ﷻ menerima segala amalan soleh yang dilakukan serta menggolongkan kita di kalangan hamba-hamba-Nya yang beriman.

³⁷ *Sofwah al-Tafasir*, Jld.2, Hlm.275.

*"Sesiapa yang bersolat secara berdiri
itulah yang afdal dan sesiapa yang bersolat
secara duduk dia mendapat separuh pahala
solat berdiri dan sesiapa yang bersolat secara
mengiring dia mendapat separuh pahala
solat duduk. "*

Hadis riwayat al-Bukhari:1065



Diterbitkan oleh:
JABATAN MUFTI NEGERI PULAU PINANG
Tingkat 48, KOMTAR, 10000 Pulau Pinang
Tel: 04 263 2975 Faks: 04 263 2985
Web: <http://mufti.penang.gov.my>